

03 AUG 2001

Shahidan-Khor

MB NAFI LAPORAN KHOR AKAN LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini menafikan laporan sebuah akhbar tempatan kononnya anggota dewan undangan negeri kawasan Indera Kayangan, Datuk Khor Liang Tee akan meletak jawatan.

"Saya pun hanya dengar khabar angin sahaja mengenai perletakan jawatan itu. Mungkin tindakan saya semalam dengan menubuh jentera pilihan raya itu, orang menyangka disebabkan itu pilihan raya kecil akan diadakan," katanya.

Pada kebiasaannya jika mana-mana wakil rakyat atau exco sebelum membuat apa-apa tindakan akan memaklumkan kepada beliau terlebih dahulu, katanya kepada pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Katanya, beliau sendiri telah berjumpa dengan Khor berhubung hal itu dan berbangga kerana Khor dapat menghadiri mesyuarat exco kerajaan negeri yang diadakan itu.

Laporan sebuah akhbar hari ini mendakwa kononnya Khor, yang juga Pengerusi MCA Perlis dan anggota Majlis Mesyuarat (Exco) Kerajaan Negeri, mengemukakan surat perletakan jawatannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas alasan kesihatan.

Menurut Shahidan, Khor memaklumkan yang beliau (Khor) masih boleh menjalankan tugas, malah membuktikannya dengan menghadiri perhimpunan agung MCA dan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Kuala Lumpur.

"Beliau (Khor) nampak sihat dan beliau sendiri menafikan yang beliau telah menghantar surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri," katanya.

Khor mengakui bahawa dia memang menghadapi masalah kesihatan tetapi ia tidak menjejaskan tugasnya sebagai ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan dan juga Pengerusi MCA Negeri.

"Saya amat terkejut apabila khabar angin itu telah tersebar luas. Saya akui memang saya menghadapi masalah kesihatan dan perlu rawatan lanjut apabila keadaan memerlukan," kata Khor.

Katanya, beliau akan terus memberi khidmatnya kepada negara.

-- BERNAMA

FA AHH AKD